

NO. SOALAN: 79

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS(2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA]**

SOALAN :

Dato' Ahmad Fauzi bin Zahari [Setiawangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pampasan oleh pihak Kerajaan Arab Saudi terhadap keluarga jemaah haji rakyat Malaysia yang terkorban dalam tragedi runtuhan kren pada musim haji yang lalu.

JAWAPAN : **(YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, pihak Kerajaan Arab Saudi masih belum memaklumkan status pemberian saguhati kepada mangsa runtuhan kren pada Musim Haji 1436H sepetimana yang diumumkan sebelum ini. Walau bagaimanapun, Lembaga Tabung Haji (**TH**) telah menyerahkan senarai nama jemaah haji yang terkorban dan tercedera akibat kejadian kren runtuh tersebut kepada pihak berkuasa Arab Saudi sebelum ini bagi tujuan mengenalpasti mangsa-mangsa dan waris mereka yang terlibat.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, peristiwa kren tumbang di Masjidil Haram pada 11 September 2015 telah mengorbankan seramai 111 orang jemaah haji dari pelbagai negara. Dalam kejadian tersebut, 7 jemaah haji Malaysia telah meninggal dunia, sementara 12 lagi mengalami kecederaan. Pampasan takaful telah diberikan kepada 7 mangsa yang terkorban, dimana manfaat yang diterima oleh waris melalui Pelan Perlindungan Takaful Berkelompok merangkumi manfaat kematian akibat kemalangan sebanyak RM20,000 seorang dan khairat kematian berjumlah RM3,000 seorang.

Disamping itu juga, **TH** telah memberi sumbangan wang ehsan berjumlah RM20,000 seorang kepada waris mangsa yang terkorban dan sumbangan berjumlah SR1,000 sehingga SR3,000 seorang kepada setiap mangsa yang cedera bergantung kepada tahap kecederaan masing-masing.

Sekian. Terima kasih.